

# Memartabatkan Ilmu Qiraat di Pantai Timur: Sorotan Perkembangan Institusi dan Sumbangan Tokoh Qurra' di Negeri Terengganu

**BITARA**

Volume 8, Issue 4, 2025: 367-375  
© The Author(s) 2025  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 2 November 2025  
Accepted: 24 November 2025  
Published: 22 December 2025

## [The Establishment of 'Ilm of Qiraat on The East Coast: Highlighting the Development of Institutions and Contributions of Qurra' Figures in The State of Terengganu]

Muhammad Fadhli Tarmizi Ashaary<sup>1\*</sup> Mohd Faizulamri Mohd Saad<sup>1</sup>, Mohd Nazri Ahmad<sup>1</sup>

1 Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: p120749@siswa.ukm.edu.my; faizam@ukm.edu.my; m\_nazri@ukm.edu.my.

\*Corresponding Author: faizam@ukm.edu.my

### Abstrak

Artikel ini membincangkan perkembangan Ilmu Qiraat di Malaysia dengan memberi fokus kepada Negeri Terengganu sebagai salah satu pusat penting pengajian al-Quran di Pantai Timur. Perbincangan ini bertujuan untuk meneliti sejarah kemunculan dan pengukuhan institusi tahfiz yang menawarkan pengajian Qiraat serta menilai sumbangan tokoh *Qurra'* tempatan dalam memartabatkan ilmu Qiraat. Pendekatan kajian adalah berbentuk kualitatif melalui analisis dokumen, sumber sejarah, laporan institusi serta karya ilmiah berkaitan pendidikan tahfiz dan Ilmu Qiraat. Hasil kajian menunjukkan bahawa perkembangan Ilmu Qiraat di Terengganu bermula secara tersusun dengan penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Terengganu pada tahun 1984 sebelum dikukuhkan lagi melalui penubuhan Kolej al-Quran Terengganu (KQT) dan Institut Pengajian Islam (INSPI). Institusi-institusi ini berperanan penting dalam menyelaraskan pembelajaran Qiraat secara formal tanpa mengabaikan kaedah tradisional *talaqqi* dan *musyafahah* yang *bersanad*. Selain itu, kajian ini telah memperlihatkan peranan penting oleh Haji Mohamad bin Haji Awang Kechik atau Haji Mat Lintar sebagai tokoh *Qurra'* yang terkenal di Terengganu. Sumbangan beliau dalam penguasaan Qiraat *Nāfi'* Riwayat *Warsy*, peranan beliau sebagai imam dan pendidik serta usaha untuk menubuhkan Persatuan *Qurra'* Terengganu telah menyumbang kepada penyebaran ilmu Qiraat yang sahih dalam kalangan masyarakat. Kesimpulannya, pemartabatan Ilmu Qiraat di Terengganu perlu disokong oleh gabungan peranan institusi pendidikan dan tokoh ilmuwan yang sekali gus memastikan aspek *al-Riwayah* dan *al-Dirayah* dalam pengajian al-Quran selaras dengan *manhaj* yang *muktabar*.

**Kata kunci:** Ilmu Qiraat, Terengganu, Institusi Tahfiz, Tokoh Qurra', Riwayat Warsy

### Abstract

This article examines the development of the Science of Qira'at in Malaysia, focusing on the state of Terengganu as a prominent centre for Quranic studies on the East Coast. The discussion aims to explore the history of the emergence and consolidation of *tahfiz* institutions offering Qira'at studies and to assess the contributions of local *Qurra'* personalities in elevating the discipline. The research employs a qualitative approach, utilising document analysis, historical sources, institutional reports, and scholarly works related to *tahfiz* education and the Science of Qira'at. The findings indicate that

the development of Qira'at in Terengganu began in an organised manner with the establishment of the Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Terengganu in 1984, and was further strengthened by the subsequent founding of the Terengganu Quranic College (KQT) and the Institute of Islamic Studies (INSPI). These institutions play a crucial role in formalising Qira'at learning without neglecting the traditional *sanad*-based methods of *talaqqi* and *musyafahah*. Furthermore, the study highlights the significant role of Haji Mohamad bin Haji Awang Kechik, also known as Haji Mat Lintar, as a renowned *Qurra'* figure in Terengganu. His contributions—demonstrated through his mastery of the *Qira'at* of *Nāfi'* via the *Riwayat Warsy*, his roles as an imam and educator, and his efforts in establishing the Terengganu Qurra' Association—have been instrumental in disseminating authentic Qira'at knowledge within the community. In conclusion, the elevation of the Science of Qira'at in Terengganu requires sustained support from a combination of educational institutions and scholarly figures, thereby ensuring the aspects of *al-Riwayah* (narration) and *al-Dirayah* (comprehension) in Quranic studies remain aligned with authoritative methodologies.

Keywords: 'Ilm Qiraat, Terengganu, Institusi Tahfiz, Figure of Qurra', Riwayat Warsy



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

#### Cite This Article:

Muhammad Fadhli Tarmizi Ashaary, Mohd Faizulamri Mohd Saad & Mohd Nazri Ahmad. (2025). Memartabatkan Ilmu Qiraat di Pantai Timur: Sorotan Perkembangan Institusi dan Sumbangan Tokoh Qurra' di Negeri Terengganu [The Establishment of 'Ilm of Qiraat on The East Coast: Highlighting the Development of Institutions and Contributions of Qurra' Figures in The State of Terengganu]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(4): 358-366.

## Pengenalan

Ilmu Qiraat merupakan satu disiplin ilmu yang membincangkan tentang kaedah penuturan dan penyampaian lafaz-lafaz al-Quran sama ada bacaan yang disepakati mahupun yang diperselisihkan dalam kalangan para Imam Qiraat atau *Qurra'*. Perbezaan wajah bacaan ini meliputi aspek tatabahasa Arab yang sah tanpa menjejaskan makna asas ayat al-Quran itu sendiri. Setiap wajah bacaan tersebut berasaskan periwayatan yang kukuh serta disandarkan kepada seorang Imam Qiraat yang *thiqah* bagi menjamin kesahihan dan keaslian bacaan al-Quran yang diwariskan secara *bersanad* (Ibn al-Jazari, 1994; al-Dabbā', 2000; al-Suyūṭī, 1998; Yaacob, 2016). Istilah *al-Qiraat* ini merupakan bentuk jamak kepada *qiraah* yang merujuk kepada kepelbagaian wajah bacaan al-Quran seperti yang terkandung dalam Qiraat *Sab'ah* dan diiktiraf sebagai bacaan *mutawatir*. Bacaan ini juga diterima oleh para ulama dalam tradisi keilmuan Islam (Ibn Mujāhid, 1980; Ibn al-Jazari, 1994).

Perkembangan Ilmu Qiraat bermula sejak zaman Rasulullah SAW di mana baginda sendiri berperanan sebagai guru pertama yang mengajarkan al-Quran dan wajah-wajah bacaannya kepada para sahabat. Amalan pengajaran secara *talaqqi* dan *musyafahah* yang diamalkan oleh Rasulullah SAW ini menjadi asas kepada pemeliharaan bacaan al-Quran secara tepat dan berterusan. Tradisi ini kemudiannya tersebar luas melalui proses pengajaran, hafazan dan periwayatan dalam kalangan generasi sahabat, *tabi'in* dan ulama selepas mereka sehingga

membentuk satu institusi keilmuan Qiraat yang tersusun dan sistematik (Abdul Fatah, 1984; al-Zarqānī, 1995).

Pembelajaran al-Quran dan Ilmu Qiraat merupakan satu *manhaj* pendidikan yang tertua dan saling berkait di antara satu sama lain malah tidak pernah terpisah dalam tradisi pengajian Islam klasik. Penguasaan Ilmu Qiraat bukan sahaja bertujuan dalam memastikan ketepatan bacaan al-Quran malah berperanan juga sebagai langkah pemeliharaan wahyu daripada sebarang penyelewengan lafaz serta sebagai asas kepada kefahaman disiplin ilmu-ilmu al-Quran yang lain seperti tafsir dan ulum al-Quran (al-Qāḍiy, 1989; al-Zarqānī, 1995).

Setiap bacaan dalam Ilmu Qiraat yang diterima meskipun terdapat perbezaan antara riwayat hendaklah memenuhi rukun penerimaan Qiraat iaitu memiliki *sanad* yang sahih dan bersambung hingga kepada Rasulullah SAW, menepati kaedah bahasa Arab yang *fasih* dan bertepatan dengan *rasm* al-Quran. Pemenuhan rukun-rukun ini sekaligus menjadi asas utama dalam menilai kesahihan bacaan Qiraat dan membezakan antara bacaan yang diterima dan bacaan yang ditolak dalam ilmu ini (al-Suyūṭī, 1973; Ibn al-Jazari, 1994).

## Perkembangan Pembelajaran Ilmu Qiraat di Malaysia

Institusi pengajian formal pertama yang menawarkan pembelajaran Ilmu Qiraat di Malaysia ialah Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat yang ditubuhkan pada 1 Mac 1966 atas olahan idea dari Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Penubuhan institusi ini selari dengan usaha kerajaan dalam memartabatkan pengajian al-Quran di peringkat nasional khususnya bertepatan dengan penganjuran *Musabaqah Tilawah al-Quran* peringkat kebangsaan yang bermula sejak tahun 1960. Langkah ini telah menunjukkan komitmen awal negara dalam mengukuhkan institusi pengajian al-Quran secara sistematik dan tersusun termasuk pengajaran Ilmu Qiraat secara formal (Abdul Hafiz Abdullah, 2005). Seiring dengan perkembangan institusi tersebut, Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat kemudiannya dikenali sebagai Darul Quran di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang berperanan sebagai pusat utama pengajian al-Quran dan Ilmu Qiraat di peringkat kebangsaan (Darul Quran JAKIM, n.d.).

Pada peringkat awal penubuhannya, kurikulum Ilmu Qiraat yang ditawarkan adalah merangkumi Asas Qiraat *Ilmi* (teori) dan Qiraat *Amali* (praktikal) dengan penekanan terhadap penguasaan Qiraat *Sab'ah* berdasarkan *Tariq al-Shatibiyyah*. Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan pelajar bukan sahaja memahami aspek yang dipelajari secara teori dalam Qiraat malah mampu mengaplikasikan bacaan tersebut secara tepat melalui kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* yang bersanad (Darul Quran JAKIM, n.d.). Penawaran kurikulum yang seimbang di antara teori dan amali ini menjadi asas kepada pembangunan pendidikan Ilmu Qiraat di Malaysia kini.

Di antara tokoh terawal yang dilantik sebagai tenaga pengajar dalam mengembangkan pengajaran ilmu al-Qiraat ini ialah al-Marhum Tuan Guru Dato' Haji Mohd Nor Ibrahim yang merupakan seorang tokoh ilmuwan kelahiran Kelantan dan menerima pendidikan agama di Mekah. Kepakaran dan pengalaman beliau dalam bidang al-Quran dan Qiraat telah memberikan sumbangan yang bermakna terhadap pembentukan tradisi pengajaran Ilmu Qiraat secara bersanad di institusi pengajian formal negara ini (Abd. Rahman, 2017).

## Sejarah Penubuhan Institusi Tahfiz di Terengganu

Di Negeri Terengganu, usaha untuk memartabatkan Ilmu Qiraat melalui institusi pengajian formal bermula dengan penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Terengganu pada 15 April 1984. Institusi ini merupakan Maahad Tahfiz pertama di negeri Terengganu yang secara rasmi menawarkan pembelajaran Ilmu Qiraat dalam sistem pendidikan yang sistematik dan menjadi pelopor kepada perkembangan pengajian Qiraat di peringkat negeri. Penubuhan institusi ini menandakan kesungguhan pihak agama negeri dalam mengukuhkan pendidikan al-Quran dan membina generasi *huffaz* serta pelajar Qiraat yang cemerlang dan berdedikasi (JHEAT, 1985; JHEAT, 2010; Abdullah, 2018; Mohd Salleh, 2020).

Pada peringkat awal penubuhannya, Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Terengganu ini beroperasi di Masjid Abidin, Kuala Terengganu dengan penyertaan seramai 15 orang pelajar dan dibimbing oleh empat orang tenaga pengajar. Penubuhan ini kemudiannya dipimpin oleh Ustaz Ismail bin Mohamad al-Hafiz yang merupakan mantan Imam Besar Masjid Negara dan memainkan peranan penting dalam pelaksanaan pendidikan Tahfiz dan Ilmu Qiraat di Terengganu. Kepimpinan dan pengalaman beliau dalam bidang al-Quran ini telah menyumbang kepada pembentukan tradisi pengajaran Qiraat yang berasaskan *talaqqi*, *musyafahah* dan pemeliharaan *sanad* di institusi ini (Abdullah, 2018; Mohd Salleh, 2020).

Selaras dengan perkembangan dan permintaan masyarakat terhadap pendidikan Tahfiz dan Ilmu Qiraat ini, negeri Terengganu kemudiannya menubuhkan beberapa institusi Tahfiz lain yang turut memperkuat pendidikan al-Quran di peringkat negeri. Perkembangan ini bukan sahaja memberi kemudahan kepada pembelajaran Ilmu Qiraat malah memperlihatkan peningkatan kepada sistem pendidikan Tahfiz yang lebih tersusun selari dengan dasar pembangunan pendidikan Islam di negeri Terengganu. Perkembangan ini dapat dilihat melalui penubuhan institusi-institusi Tahfiz berikut:

### Institut al-Quran Terengganu (IQT) / Kolej al-Quran Terengganu (KQT)

Pada tahun 2007, Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Terengganu telah diletakkan di bawah Institut al-Quran Terengganu (IQT) iaitu sebuah institusi yang ditubuhkan hasil cetusan idea oleh Dato' Seri Idris bin Jusoh selaku Menteri Besar Terengganu ketika itu. Penubuhan IQT ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi pengurusan pendidikan al-Quran dan Ilmu Qiraat secara tersusun, meluaskan skop program pengajian serta menyelaraskan pendidikan tahfiz di peringkat negeri untuk melahirkan pelajar yang *hafiz* dan mahir dalam penguasaan ilmu al-Qiraat (Institut al-Quran Terengganu, 2016; Ahmad, 2021). IQT turut memainkan peranan penting untuk mempertingkatkan kerjasama dengan institusi pengajian al-Qur'an di peringkat nasional dan serantau bagi memantapkan lagi kualiti pengajaran dan penyelidikan dalam bidang Qiraat dan ilmu al-Quran (Abdul Rahman & Hashim, 2018).

Kemudiannya, IQT dinaik taraf menjadi Kolej al-Quran Terengganu (KQT) untuk menggambarkan statusnya sebagai institusi pengajian tinggi yang lebih tersusun dan mengutamakan aspek akademik dengan penekanan terhadap pengajaran yang berlandaskan kurikulum terkini dan pendekatan teknologi dalam pengajaran Qiraat (KQT, 2020). KQT juga menawarkan program Diploma Tahfiz al-Quran & Qiraat (DTQQ) serta Diploma Tahfiz al-

Quran & Bahasa Arab (DTQB) di mana kedua-dua program ini telah menerima Akreditasi Penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi menjamin kualiti pengajaran dan pengiktirafan akademik pada peringkat kebangsaan (MQA, 2019; KQT, 2020).

Pada Mei 2016, KQT mula beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah institusi yang tersendiri selepas dipisahkan daripada Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Terengganu. Perpisahan ini menunjukkan KQT telah menjadi institusi utama yang mengendalikan program pendidikan Tahfiz dan Qiraat di negeri Terengganu sekali gus memperkuat pembangunan modal insan berteraskan al-Quran dan penguasaan Ilmu Qiraat. Perkembangan ini sejajar dengan dasar kerajaan negeri dan persekutuan dalam memartabatkan pendidikan al-Quran melalui institusi formal dan memperluaskan lagi pendidikan tahfiz kepada pelajar dari seluruh negeri (Institut al-Quran Terengganu, 2016; Ahmad, 2021; Mohd Salleh, 2020).

## Institut Pengajian Islam (Inspi)

Selain Kolej al-Quran Terengganu (KQT), institusi Tahfiz lain yang menonjol di Terengganu ialah Institut Pengajian Islam (INSPI) yang pada asalnya dikenali sebagai Markas Pengajian Islam (MARPA) dan ditubuhkan pada 9 Februari 1984. Penubuhan INSPI ini bertujuan untuk meluaskan lagi peluang pendidikan Tahfiz dan pengajian Islam secara formal di negeri Terengganu serta melahirkan generasi pelajar yang mahir dalam bukan sahaja dalam bidang ilmu al-Quran, Qiraat dan juga dalam bidang dakwah. Selain itu, INSPI turut berperanan sebagai pusat latihan dan rujukan bagi guru Tahfiz serta tenaga pengajar al-Quran di peringkat negeri (Abdullah, 2018; Mohd Salleh, 2020).

INSPI kini menawarkan Program Diploma Tahfiz wa Dakwah hasil kerjasama strategik dengan Darul Quran JAKIM. Program ini mula mengambil pelajar pada April 2010 dan bakal melahirkan graduan yang mampu melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana Muda khususnya dalam bidang Qiraat al-Azhar di Mesir. Program ini juga menekankan penguasaan Ilmu Qiraat *Sab'ah* secara *bersanad*, pemahaman tafsir serta pengembangan dakwah yang berkesan. Pendekatan ini telah memperlihatkan usaha dalam meningkatkan kualiti pengajian Qiraat di peringkat antarabangsa (INSPI, 2010; Abdullah, 2018; Abdul Rahman & Hashim, 2018).

Sehingga tahun 2019, negeri Terengganu sudah pun mempunyai dua institusi Tahfiz utama yang menawarkan program diploma iaitu Institut al-Quran Terengganu (IQT/KQT) dan INSPI. Kedua-dua institusi ini memainkan peranan penting dalam membentuk pendidikan Tahfiz dan pengajian Qiraat di peringkat negeri. Institusi ini juga menjadi rujukan dalam pengembangan sistem pendidikan Tahfiz yang tersusun dan *bersanad* dan menyumbang kepada pembangunan modal insan yang berakhlak dan berpengetahuan dalam bidang al-Quran (Mohd Salleh, 2020; JHEAT, 2010; Ahmad, 2021).

## Tokoh Pengunggulan Ilmu Qiraat di Terengganu: Haji Mat Lintar

Antara tokoh Tahfiz al-Quran yang terkenal di Negeri Terengganu ialah Haji Mohamad bin Haji Awang Kechik yang lebih dikenali dengan gelaran Haji Mat Lintar (Abdullah, 2018; Mohd Salleh, 2020). Gelaran tersebut diberikan kerana suara beliau yang lantang, nyaring, dan terang

seperti halilintar dan mampu didengari sehingga ke saf yang paling belakang ketika mengimamkan solat. Keistimewaan ini bukan sahaja menandakan ketekunan dan kecemerlangan beliau dalam bacaan al-Quran malah menunjukkan kepakaran dan kemahiran beliau dalam pengajaran al-Quran secara *bersanad*. Haji Mat Lintar ini juga turut dikenali sebagai tokoh yang banyak menyumbang kepada pembangunan pendidikan Tahfiz dan Qiraat di Terengganu termasuk membimbing ramai generasi *huffaz* dan *qari* yang kemudiannya menjadi seorang pendidik dan pemimpin dalam komuniti pengajian al-Quran (Abdullah, 2018; Mohd Salleh, 2020; Ahmad, 2021).

## Riwayat Hidup Dan Pendidikan Serta Sumbangan Beliau

Haji Mohamad bin Haji Awang Kechik atau dikenali juga dengan Haji Mat Lintar telah dilahirkan pada tahun 1900 di Kelantan dan meninggal dunia pada tahun 1963 di Kuala Terengganu (Abdullah, 2018; Mohd Salleh, 2020). Beliau menuntut ilmu al-Quran dan ilmu agama di beberapa tempat. Antaranya adalah di Mekah, Madinah dan di Kelantan dan hal ini telah menjadikannya seorang tokoh ulama yang berwibawa dalam bidang tahfiz dan Qiraat. Pengalaman pendidikan yang luas ini membolehkan beliau menguasai bacaan Qiraat *Sab'ah* secara mendalam dan memahami *sanad* yang sahih seterusnya mengukuhkan kedudukan dan pengaruh beliau dalam pengajaran al-Quran di Malaysia (Abdullah, 2018).

Selain itu, Haji Mohamad bin Haji Awang Kechik dikatakan telah mendapat tunjuk ajar dan merupakan rakan seperjuangan kepada Syeikh Mahmud Khalil al-Husori yang merupakan seorang tokoh Qiraat tersohor dari Mesir dan menekankan penguasaan Qiraat *Sab'ah* dan kepentingan *sanad* yang sahih dalam pengajian Qiraat (Mohd Salleh, 2020). Sumbangan utama beliau merangkumi beberapa aspek termasuk pengembangan pengajaran Qiraat secara *bersanad*, pembimbing generasi *huffaz* dan *qari* serta pengukuhan tradisi pendidikan Tahfiz di Terengganu yang menekankan aspek rukun-rukun Qiraat dan ketelitian bacaan al-Quran. Di antara sumbangan beliau adalah seperti berikut:

## Penguasaan Qiraat Riwayat Warsy

Haji Mohamad bin Haji Awang Kechik atau lebih dikenali sebagai Haji Mat Lintar merupakan antara tokoh al-Quran yang terkenal di Terengganu dengan penguasaan bacaan al-Quran menurut Qiraat *Nāfi'* Riwayat *Warsy*. Kebolehan beliau dalam menguasai riwayat ini menjadikan *Warsy* sebagai salah satu bacaan yang dikenali dan diamalkan di Malaysia khususnya di negeri Terengganu selepas Qiraat *'Āṣim* Riwayat *Ḥafṣ bin Sulaymān* yang lebih banyak digunakan dalam amalan masyarakat umum. Penguasaan tersebut bukan sahaja menunjukkan keluasan ilmu dan ketelitian beliau dalam ilmu Qiraat malah telah membuktikan kedudukan beliau sebagai seorang *qāri'* yang perlu dicontohi serta memiliki *sanad* bacaan yang sahih dan bersambung (Abdullah, 2018).

Selain itu, penguasaan Haji Mat Lintar terhadap Riwayat *Warsy* turut memperlihatkan kefahaman beliau yang mendalam terhadap perbezaan usul dan *farsh al-ḥurūf* dalam Qiraat *Nāfi'* termasuk aspek *mad*, *imālah*, *naql*, *saktah* dan kaedah *waqaf* yang membezakan bacaan *Warsy* daripada bacaan *Ḥafṣ*. Keupayaan beliau dalam menggunakan kepelbagaian wajah

bacaan secara tepat telah menjadikan pengajaran Qiraat beliau bersifat ilmiah dan berlandaskan disiplin ilmu Qiraat yang *muktabar*. Hal ini secara tidak langsung telah meningkatkan kefahaman pelajar terhadap kepelbagaian bacaan al-Quran yang diterima dalam *Ahl al-Qirā'āt* (Mohd Salleh, 2020).

Melalui kaedah pengajaran *talaqqi* dan *musyāfahah*, Haji Mat Lintar memainkan peranan yang sangat penting dalam menyebarkan dan memelihara amalan bacaan Riwayat *Warsy* dalam kalangan pelajar tahfiz dan masyarakat setempat. Pendekatan ini bukan sahaja menekankan aspek ketepatan bacaan bahkan turut mengambil berat aspek adab pembelajaran al-Quran, disiplin *sanad* dan penghayatan terhadap kesucian wahyu al-Quran ini. Kesenambungan pendekatan pengajaran ini telah melahirkan generasi pelajar yang bukan sahaja mahir dalam membaca al-Quran malah mereka juga memiliki kesedaran terhadap kepelbagaian Qiraat yang sahih dan tepat sekali gus menyumbang ke arah pemeliharaan tradisi Qiraat di Malaysia (Abdullah, 2018; Mohd Salleh, 2020; Zulkifli, 2015).

## Peranan Sebagai Imam dan Pendidik

Haji Mohamad bin Haji Awang Kechik telah berkhidmat sebagai imam di Masjid Sultan Zainal Abidin atau dikenali juga dengan Masjid Putih di Kuala Terengganu selama hampir 26 tahun bermula pada 26 Oktober 1927 hingga 1 November 1953. Sepanjang tempoh tersebut, beliau bukan sahaja berperanan sebagai imam solat malah beliau juga menjadi rujukan utama kepada masyarakat dalam aspek bacaan al-Quran yang sahih, *bertajwid* dan *berfasahah*. Kepakaran beliau dalam ilmu Qiraat serta penguasaan beliau dalam pelbagai wajah bacaan yang *muktabar* telah menjadikan masjid tersebut sebagai pusat penyebaran ilmu al-Quran khususnya dalam kalangan masyarakat Terengganu (Abdullah, 2018; Mohd Salleh, 2020).

Selain peranan sebagai imam, Haji Mat Lintar turut memainkan peranan sebagai pendidik dan guru al-Quran. Beliau aktif dalam mengajar al-Quran, ilmu *tajwid*, *fasahah* dan ilmu tarannum di beberapa institusi dan pusat pengajian antaranya Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin dan Surau Haji Awang Abbas yang kemudiannya ditukar nama kepada Surau Haji Mat Lintar sempena jasa dan sumbangan beliau di situ. Kaedah yang digunakan dalam pengajaran beliau adalah berteraskan kepada pendekatan *talaqqi* dan *musyāfahah* dengan penekanan terhadap ketepatan *makhraj*, sifat huruf, penghayatan bacaan dan adab bagi seorang penuntut ilmu. Pendekatan ini juga telah berjaya melahirkan generasi pelajar yang bukan sahaja mahir dalam bacaan al-Quran dan Qiraat malah berdisiplin, berakhlak dan memiliki kefahaman yang mendalam terhadap kepelbagaian bacaan al-Quran yang sahih dan *bersanad* (Abdullah, 2018; Zulkifli, 2015).

## Penubuhan Persatuan *Qurra'* Terengganu

Haji Mohamad bin Haji Awang Kechik merupakan antara tokoh yang paling awal yang memulakan langkah untuk menubuhkan Persatuan *Qurra'* Terengganu iaitu sebuah organisasi yang berperanan untuk memartabatkan ilmu al-Quran khususnya dalam bidang Qiraat dan tarannum di negeri Terengganu. Penubuhan persatuan ini memperlihatkan visi beliau yang berpandangan jauh dalam usaha memelihara kesinambungan ilmu al-Quran secara tersusun

sejajar dengan keperluan pembangunan pendidikan Islam yang lebih sistematik (Mohd Salleh, 2020).

Melalui penubuhan Persatuan *Qurra'* Terengganu, satu platform rasmi telah diwujudkan bagi menghimpunkan para *qāri'*, guru Qiraat dan pelajar al-Quran untuk saling bertukar pendapat, berkongsi kepakaran dan membincangkan isu-isu berkaitan kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Persatuan ini juga turut berfungsi sebagai tempat untuk melakukan aktiviti pengajian, penganjuran majlis bacaan al-Quran, kursus kemahiran Qiraat dan tarannum dan usaha untuk memantapkan lagi kualiti bacaan al-Quran dalam kalangan masyarakat. Pelaksanaan ini bukan sahaja dapat meningkatkan mutu pengajian al-Quran malah menguatkan lagi komunikasi antara guru dan pelajar dalam bidang ini seterusnya menjadikan negeri Terengganu sebagai salah satu pusat perkembangan ilmu al-Quran di Malaysia (Mohd Salleh, 2020; Abdullah, 2018).

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, perkembangan Ilmu Qiraat di Negeri Terengganu memperlihatkan satu usaha yang berterusan dalam memelihara serta memartabatkan pengajian al-Quran secara *bersanad*. Penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Terengganu pada tahun 1984 telah menjadi permulaan kepada pembinaan sistem pendidikan Qiraat yang lebih tersusun di peringkat negeri seterusnya dikukuhkan lagi melalui penubuhan Kolej al-Quran Terengganu (KQT) dan Institut Pengajian Islam (INSPI). Institusi-institusi ini bukan sahaja berperanan dalam melahirkan *huffaz* dan pelajar Qiraat yang berkualiti malah memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan tradisi pembelajaran Qiraat yang berteraskan *talaqqi*, *musyafahah* dan bacaan *sanad*.

Selain peranan institusi, sumbangan tokoh *Qurra'* tempatan seperti Haji Mohamad bin Haji Awang Kechik atau dikenali dengan Haji Mat Lintar terbukti telah memberi kesan yang besar terhadap pengukuhan Ilmu Qiraat di Terengganu. Penguasaan beliau terhadap Qiraat *Nāfi'* Riwayat *Warsy*, peranan beliau sebagai imam dan pendidik serta menubuhkan Persatuan *Qurra'* Terengganu telah menyumbang kepada penyebaran kefahaman Qiraat secara ilmiah dalam kalangan masyarakat.

## Rujukan

- Abdul Fatah. 1984. *Tarikh al-Qira'at wa Tatawwuruha*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Abdul Hafiz Abdullah. 2005. *Sejarah pembelajaran Qiraat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, M. R. 2018. *Tokoh dan perkembangan Ilmu Qiraat di Terengganu*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Terengganu.
- Abd. Rahman, N. 2017. *Profil pendidik Qiraat Malaysia: Tuan Guru Dato' Haji Mohd Nor Ibrahim*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmiah.
- Abdul Rahman, N. & Hashim, R. 2018. Pendidikan tahfiz dan cabaran pengajian Qiraat di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam* 11(2): 45–60.
- Ahmad, S. 2021. *Institut al-Quran Terengganu: Sejarah dan perkembangan pendidikan tahfiz*. Kuala Terengganu: Institut Pendidikan Islam.

- Al-Dabbā', A. 2000. *Al-Qira'at al-Sab'ah wa Asalib al-Qira'at*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Al-Qāḍiy, H. 1989. *Manhaj pengajaran al-Quran dalam tradisi Islam*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Suyūṭī, J. 1973. *Al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Kaherah: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Suyūṭī, J. 1998. *Al-Qira'at al-Qur'aniyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Darul Quran JAKIM. t.th. *Sejarah Darul Quran*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- INSPI. 2010. *Program Diploma Tahfiz wa Dakwah: Laporan rasmi*. Kuala Terengganu: Institut Pengajian Islam.
- Ibn Mujāhid. 1980. *Kitab al-Sab'ah fī al-Qira'at*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Ibn al-Jazārī, M. 1994. *Al-Nashr fī al-Qira'at al-'Ashr*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Institut al-Quran Terengganu. 2016. *Sejarah dan profil Institut al-Quran Terengganu*. Kuala Terengganu: IQT.
- Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT). 1985. *Laporan penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Terengganu*. Kuala Terengganu: JHEAT.
- Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT). 2010. *Laporan tahunan institusi tahfiz Terengganu*. Kuala Terengganu: JHEAT.
- Kolej al-Quran Terengganu (KQT). 2020. *Profil dan program akademik*. Kuala Terengganu: KQT.
- Mohd Salleh, H. 2020. *Perkembangan Ilmu Qiraat dan institusi tahfiz di Terengganu*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Terengganu.
- Yaacob, M. 2016. *Sanad dan riwayat dalam Ilmu Qiraat*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmiah.
- Zulkifli, M. 2015. *Pengajian Qiraat bersanad dalam pendidikan tahfiz*. *Jurnal al-Quran dan Hadis* 7(1): 23–40.